

30 AUG 2002

Mahathir-Pengundi

UMNO DAKWA PAS GUNA PENGUNDI HANTU UNTUK MENANG DI ANAK BUKIT

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno telah menyemak senarai daftar pengundi pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah Julai lepas dan mendapati Pas telah menggunakan pengundi hantu untuk mendapat kemenangan di Anak Bukit.

Perdana Menteri berkata daripada empat peti undi di Anak Bukit, Umno mendapati lebih daripada 500 pengundi tidak bekerja atau bermastautin di kawasan pilihan raya itu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata, Umno juga hairan bagaimana beberapa penyokongnya tidak dapat mengundi kerana nama mereka tidak tersenarai sebagai pengundi.

"Mereka gunakan dua cara...satu dengan cara memindahkan pengundi daripada kawasan yang tidak boleh menang ke kawasan lain supaya jumlah penyokong mereka menjadi lebih daripada separuh.

"Satu lagi adalah dengan cara mereka keluarkan nama orang yang tidak mengundi Pas daripada senarai pengundi di kawasan-kawasan terbabit," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir berkata Umno mahukan penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagaimana senarai nama pengundi berdaftar di kedua-dua kawasan pilihan raya terbabit berbeza dengan senarai yang dimiliki oleh pegawai SPR di pusat-pusat mengundi.

"Ada kejadian nama penyokong Umno disenarai sebagai pengundi di kawasan itu, tapi tiba-tiba apabila dia hendak mengundi di pusat mengundi, dia diberitahu oleh pegawai SPR, namanya tidak ada dalam senarai," katanya.

Beliau berkata siasatan Umno mendapati bahawa sebanyak 1,359 nama telah dikeluarkan dari senarai asal nama pengundi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang yang ada pada Umno.

Pada pilihan raya kecil 18 Julai lepas yang diadakan ekoran kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Barisan Nasional memenangi kerusi Parlimen Pendang dengan kelebihan undi sebanyak 283, tetapi tewas di kawasan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dengan majoriti 508 undi.

Dr Mahathir berkata Umno yakin sekiranya perkara itu dapat diperbetulkan, calon BN dari parti Umno itu boleh memenangi pilihan raya itu dengan majoriti yang lebih besar.

Menurutnya beliau juga mahukan supaya SPR membuat semakan semula terhadap senarai daftar pengundi seluruh negara bagi memastikan tidak berlaku kejadian "pengundi hantu" atau "kehilangan nama pengundi" pada masa akan datang.

Dr Mahathir berkata sekiranya pada pilihan raya kecil terbabit, Umno berjaya mengesan empat peti undi mengandungi kira-kira 500 pengundi yang tidak tinggal atau bekerja di kawasan terbabit boleh berlaku, beliau khuatir perkara yang sama akan berlaku pada pilihan raya akan datang sekiranya ia tidak dibendung dari sekarang.

Menurutnya Umno mahukan supaya senarai nama pengundi yang ada pada SPR kini disemak semula dan digantikan dengan satu senarai baru yang lebih tepat.

Dr Mahathir berkata Umno sedang memikirkan tindakan seterusnya yang akan diambil berhubung perkara itu di samping mahukan penjelasan lebih lanjut mengenainya daripada SPR.

"Taktik ini juga pernah dilakukan oleh Pas pada beberapa pilihan raya sebelum ini dan ia perlu dihentikan sekarang," katanya.

-- BERNAMA
AZH MAM MAI